

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN**  
**KAWASAN : PAPAR**  
**TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa lagi pakej kerja-kerja pembinaan Pan Borneo yang belum dilaksanakan sewaktu penyerahan penyeliaan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pada peringkat awalnya telah dibahagikan kepada 3 fasa pelaksanaan. Di bawah perjanjian PDP yang dimeterai pada tahun 2016, pelaksanaan projek LPB Sabah hanya melibatkan pembinaan fasa 1 sahaja, iaitu sepanjang 706km dan ia telah dipecahkan kepada 35 pakej.

Sehingga 21 September 2019 - iaitu selepas penamatan Perjanjian PDP projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah - hanya 12 pakej sahaja daripada 35 pakej fasa 1 yang telah diawadkan kepada kontraktor. Daripada 12 pakej itu, 1 pakej telah pun ditamatkan kontrak akibat daripada ketidakmampuan pihak kontraktor, iaitu pakej 15: dari Tawau ke Semporna.

Manakala progres kemajuan bagi 11 pakej lagi yang sedang berjalan ialah antara 6 peratus hingga 60 peratus. Secara keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah telah mencapai kemajuan 21.3 peratus berbanding 44.4 peratus (mengikut jadual) sehingga tarikh perjanjian PDP ditamatkan pada 21 September 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping 12 pakej yang telah diluluskan itu, Kerajaan juga bersetuju meluluskan 3 lagi pakej yang baharu, iaitu melibatkan pakej 28, 29 dan 30 iaitu naik taraf laluan antara persimpangan Telupid ke persimpangan Beluran dengan jarak hampir 60km dan kos keseluruhan projek sebanyak RM980 juta. Ketiga-tiga pakej itu dijangka akan ditender pada suku pertama tahun hadapan (2020).

Manakala untuk baki pakej fasa 1 yang masih belum ditender - iaitu 20 pakej lagi, ia akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 (2021-2025), tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.